



اَوْبُوْ رَسِيْقِيْ تَيْكُوْلُوْ كِيْ فَااَرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**JABATAN BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(PERAK)**

JUN 2012

Adalah disyorkan bahawa Laporan Praktikal ini disediakan

Oleh

MUHAMMAD NASHRUL HAFIZH BIN NAZRI

2010282718

Tajuk

**PROSEDUR SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS MENDAPAT TENDER
PROJEK UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi
Diploma Bangunan

Supervisor Report

En. ~~En.~~ Rofdzi Bin Abdullah

Practical Training Coordinator

En. Noor Azam Bin Yahaya

En Zullkifly Bin Abd. halim

Faculty Coordinator

Dr. Sr. Hj. Hayroman Bin Ahmad

**JABATAN BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(PERAK)**

MEI 2012

PERAKUAN PELAJAR

Adalah dengan ini, hasil kerja penulisan Laporan Latihan Praktikal ini telah diahsilkan sepenuhnya oleh saya kecuali seperti yang dinyatakan melalui latihan praktikal yang telah saya lalui selama 5 bulan mulai 21 Mei 2012 hingga 6 Oktober 2012 di Golden Sharar Sdn. Bhd. Ianya juga sebagai salah satu syarat lulus kursus DBN307 dan diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memeperolehi Diploma Bangunan.

Nama : Muhammad Nashrul Hafizh Bin Nazri

No KP UiTM : 2010282718

Tarikh : 11 Oktober 2012

PERHARGAAN

Penulis bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat penulis siapkan Laporan Latihan Praktikal dengan sempurna. Seterusnya diucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah meluangkan masa memberikan penulis tunjuk ajar, sokongan, bimbingan serta teguran yang positif kepada penulis semasa menyiapkan laporan ini terutamanya kepada semua kakitangan Golden Sharar Sdn.Bhd khususnya kepada En.Faizul @ Fazor Bin Ismail selaku pengurus syarikat serta tidak lupa juga kepada semua staf iaitu Cik Nur Rabiatul, Cik Rusdiana, En.Mohd Fadhil dan En. Syed Ahmad yang banyak memberi tunjuk ajar dan kepada semua kakitangan Jabatan Bangunan terutama kepada En. Mohd Rodzi Bin Abdullah selaku pensyarah penyelia UiTM serta tidak dilupakan ibubapa yang selalu memberi semangat dan sumber kewangan kepada penulis.

Tidak lupa juga, penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kerana telah memberi galakan dan nasihat yang berguna sepanjang latihan praktikal ini. Semoga apa yang diberikan dapat membantu dalam kerjaya penulis dimasa akan datang. Sekian, terima kasih.

Abstrak

Laporan ini secara ringkasnya menerangkan mengenai segala proses dan kaedah yang terbabit dalam proses sebelum, semasa dan selepas mendapatkan tender projek. Ia dihasilkan berpandukan kepada pengalaman selama lima bulan ditempatkan di syarikat kontraktor, Golden Sharar Sdn. Bhd. Laporan ini terbahagi kepada beberapa bahagian dan dimulakan dengan latarbelakang syarikat dan latarbelakang projek pembinaan. Hasil pemerhatian mendapati proses sebelum, semasa dan selepas mendapatkan sesuatu tender projek adalah tidak semudah yang kita selalu sangkakan. Ia melibatkan banyak pihak dan proses yang memerlukan keperihatinan. Di dalam laporan ini, diterangkan secara lebih mendalam mengenai kaedah yang terlibat dalam proses sebelum, semasa dan selepas mendapatkan tender projek. Semasa proses mendapatkan tender, telah dikenalpasti beberapa masalah yang berkaitan dan laporan ini disudahi dengan beberapa cadangan yang dirasakan dapat menyelesaikan masalah yang dikenalpasti. Kesimpulannya, laporan ini dapat menjelaskan dengan lebih terperinci tentang proses sebelum, semasa dan sebelum mendapatkan tender secara lebih praktikal kepada pembaca.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT	
Penghargaan	i	
Abstrak	ii	
Isi Kandungan	iii	
Senarai Jadual	v	
Senarai Rajah	vi	
Senarai Gambar	vii	
Senarai Singkat Kata	viii	
BAB 1.0	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Objektif Kajian	2
1.3	Skop Kajian	2
1.4	Kaedah Kajian	3
BAB 2.0	LATAR BELAKANG SYARIKAT	
2.1	Pengenalan	4
2.2	Profil Syarikat	11
2.3	Carta Organisasi	12
2.4	Senarai Projek	
2.4.1	Projek telah disiapkan	13
2.4.2	Projek yang sedang dijalankan	14
2.4.3	Maklumat projek	15
BAB 3.0	PROSEDUR MENDAPATKAN TENDER	
3.1	Pengenalan	17
3.2	Objektif menender	18
3.3	Prosedur sebelum mendapat tender	
3.3.1	Menghadiri taklimat berkenaan tender	19
3.3.2	Menghadiri lawatan tapak	19
3.3.3	Membeli dokumen tender	20
3.4	Prosedur semasa mendapat tender	
3.4.1	Meneliti cara mengisi tender	21
3.4.2	Mengisi tender dengan lengkap	22
3.4.3	Mengisi bil kuantiti	23
3.4.4	Surat akuan pembida	25
3.4.5	Maklumat am syarikat pembida	26
3.4.6	Menghantar tender	28
3.5	Prosedur selepas mendapat tender	
3.5.1	Surat akuan pembida berjaya	29
3.5.2	Surat setujuterima tender	30
BAB 4.0	KESIMPULAN DAN CADANGAN	31

SENARAI JADUAL

Jadual 2.4.1.1 Senarai projek GSSB yang telah siap.	13
Jadual 2.4.2.1 Senarai projek semasa GSSB dan anak syarikatnya.	14
Jadual 2.4.3.1 Maklumat projek USM, Kampus Kesihatan.	15

SENARAI RAJAH

Rajah 2.3.1 Carta organisasi GSSB.

12

SENARAI GAMBAR

Gambar 2.1.1 Sijil perakuan kontraktor kelas B (PKK)	5
Gambar 2.1.2 Sijil perakuan kontraktor bumiputera kelas B (PKK)	6
Gambar 2.1.3 Sijil perakuan pendaftaran CIDB	7
Gambar 2.1.4 Sijil Industri Perkhidmatan Air (PERMIT)	8
Gambar 2.1.5 Sijil perakuan CIDB (Baru Diguna Pakai)	9
Gambar 2.1.6 Sijil perakuan CIDB untuk kerja kerajaan (Baru Diguna Pakai)	10
Gambar 2.4.3.1 Maklumat projek di USM, Kampus Kesihatan	16
Gambar 3.3.3.1 Contoh tender	21
Gambar 3.4.1.1 Contoh cara-cara melengkap tender	22
Gambar 3.4.2.1 Contoh tender yang telah diisi dengan lengkap	23
Gambar 3.4.3.1 Contoh bil kuantiti atau borang sebutharga	24
Gambar 3.4.4.1 Contoh surat akuan pembida	25
Gambar 3.4.5.1 Contoh borang maklumat am latarbelakang penyebutharga	26
Gambar 3.4.5.2 Contoh penyata bank KBOT	27
Gambar 3.4.5.3 lesen perakuan kontraktor kelas E (PKK) KBOT	27
Gambar 3.4.6.1 Tender yang dimasukkan ke dalam peti tender	28
Gambar 3.5.1.1 Contoh surat akuan pembida berjaya	29
Gambar 3.5.2.1 Contoh surat setujuterima tender	30

SENARAI SINGKATAN KATA

GSSB	Golden Sharar Sdn. Bhd.
KBOT	KB One Trading
PKK	Pusat Khidmat Kontraktor
CIDB	Construction Industry Development Berhad
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
UiTM	Universiti Teknologi MARA
MARA	Majlis Amanah Rakyat

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tender ialah suatu kenyataan yang dikeluarkan kepada seseorang untuk melakukan kerja di samping mendapatkan persetujuan daripada pihak yang berkenaan (Saidin, 1998). Bagi sesebuah syarikat kontraktor tender merupakan sesuatu benda yang sangat penting kerana tender projek boleh mempengaruhi jatuh bangun syarikat mereka. Secara umumnya tender merupakan nadi utama dalam bidang pembinaan. Ini kerana tender dapat membantu pihak klien memilih atau memberikan sesuatu projek yang dinyatakan didalam tender kepada kontraktor yang layak.

Tetapi untuk mendapatkan tender bukanlah mudah seperti yang disangkakan kerana ramai kontraktor yang berminat untuk mendapatkan projek tersebut haruslah bersaing sesama sendiri secara sihat.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa aktiviti yang tidak senonoh dikalangan kontraktor-kontraktor yang ingin mengaut keuntungan segera dan mudah. Pembelian dokumen tender oleh kontraktor yang tidak bertanggungjawab boleh menganiayai kontraktor-kontraktor yang berprofil rendah.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk memahami cara untuk menyertai tender dengan lebih sistematik dan mendapat pengalaman berada di bawah syarikat kontraktor. Kajian ini akan memfokuskan kepada beberapa perkara :

- a. Mengetahui kaedah dan proses yang terlibat sebelum, semasa dan selepas mendapatkan tender.
- b. Mengetahui pihak yang terlibat didalam proses tersebut.
- c. Mengetahui masalah yang selalu timbul sebelum, semasa dan selepas mendapatkan tender.

1.3 Skop Kajian

Skop kajian merangkumi semua aspek dan prosedur yang diperlukan untuk mendapatkan tender sesuatu projek daripada awal hingga ke akhir. Skop kajian secara khususnya menerangkan tentang :

- a. Syarat yang diperlukan untuk kontraktor membeli dokumen tender.
- b. Cara mengisi borang bil kuantiti dan membuat simpanan untuk syarikat.
- c. Cara membalas surat terima kontrak.

1.4 Kaedah Kajian

Secara amnya terdapat empat kaedah utama yang diterapkan untuk membantu penyediaan laporan praktikal ini. Kaedah-kaedah tersebut ialah seperti berikut :

a. Media massa dan elektronik

Secara keseluruhannya, laporan ini dibuat berpandukan rujukan daripada media massa dan elektronik. Kaedah ini bukan sahaja berkesan malah, dapat menjimatkan masa dan wang serta mudah didapati.

b. Pengalaman kerja

Pengalaman kerja merupakan kaedah yang dialami sendiri semasa proses menyiapkan laporan praktikal ini. Kaedah ini dapat memberikan kelebihan dalam memahami secara lebih mendalam mengenai proses yang terlibat sebelum, semasa dan selepas mendapatkan tender didalam realiti sekarang.

c. Pemerhatian

Pemerhatian merupakan satu kaedah pembelajaran yang berkesan serta memberi pengetahuan secara tidak langsung kepada penulis mengenai prosedur dan pihak yang terlibat sebelum, semasa dan selepas mendapatkan tender. Dengan kaedah ini penulis mendapat gambaran yang jelas mengenai proses yang perlu dijalankan. Selain itu penulis juga dapat melihat suasana sebenar ditapak bina.

d. Temuramah

Temuramah adalah kaedah yang lebih berkesan dan efektif untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Kaedah ini dilakukan dengan menemuramah para pekerja di pejabat mahupun di tapak bina seperti kontraktor, jurukur bahan, penyelia tapak dan buruh binaan untuk mendapatkan pandangan dan maklumat yang lebih terperinci.

BAB 2

LATAR BELAKANG SYARIKAT

2.1 Pengenalan

Syarikat Golden Sharar Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat kontraktor yang didaftarkan di Malaysia dan ditubuhkan pada 08 haribulan Mei 1974 dan diperbaharui pada 08 haribulan Disember 1993. Syarikat ini menawarkan pelbagai perkhidmatan dalam bidang pembinaan kepada pihak kerajaan dan sektor swasta sehingga sekarang.

Terdapat empat pengarah dalam syarikat ini dan mereka ialah pengasas En. Pauzi @ Wan Muhammad Bin Wan Yunus, Wan Mohd Sanny Bin Pauzi @ Wan Muhammad, En Izani Bin Mohammad dan En. Faizol @Faizor Bin Ismail. Dengan perusahaan professional dalam menjalankan kerja dan matlamat untuk memperbaiki perkhidmatan yang ditawarkan, syarikat ini telah mendapat banyak projek di dalam dan luar negeri Kelantan dan mempunyai pejabat di Pantai Timur iaitu di Kota Bharu, Kelantan dengan bilangan pekerjanya adalah seramai 5 orang. Bidang-bidang kepakaran yang ditawarkan oleh syarikat ini termasuklah jalan, sumber air, longkang dan sebagainya.

Pejabat Syarikat Golden Sharar Sdn. Bhd. di Kota Bharu dilengkapi dengan pejabat dan ruang kerja yang selesa. Semua analisis dan pengiraan tender projek dibuat dengan kemudahan komputer iaitu dengan menggunakan pelbagai perisian komputer yang lengkap dan pekerja-pekerja yang berdedikasi tinggi.



No. Siri AD 329324

PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

NO. SIJIL PENDAFTARAN
0302 A 2011 0045

Adalah disahkan Syarikat seperti butir-butir berikut berdaftar dengan Pusat ini tertakluk kepada syarat-syarat yang tercatat di dalam sijil ini.

TARIKH MULA BERDAFTAR DENGAN PKK: 15/05/2002

NAMA DAN ALAMAT BERDAFTAR :

283649 W
GOLDEN SHARAR SDN. BHD.
LOT 1289
KG BARU LUAR
PASIR PEKAN
16250 KOTA BHARU
KELANTAN

TEMPOH SAH LAKU :

DARI : 15/05/2012
HINGGA : 14/05/2014

<u>KELAS</u>	<u>KEPALA</u>	<u>SUB KEPALA</u>
B	I	1, 2, 3a, 5, 7a, 7b, 7c, 7d, 9 ***
	II	1, 2a, 2b, 5, 7a, 7b, 8a, 8b ***
	III	3, 10 ***
	IV	1, 2c, 3a, 3b, 3c, 3d, 4a, 5, 6a, 8 ***
	VI	2, 7 ***
	***	*****

<u>PEGAWAI SYARIKAT YANG DITAUJIAHKAN</u>	<u>NO. K/P</u>	<u>JAWATAN</u>
PAUZI @ WAN MUHAMMAD BIN WAN YUNUS		PENGARAH
WAN MOHD SANY BIN PAUZI @ WAN MUHAMMAD		PENGARAH
FAZIOR @ FAIZOL BIN ISMAIL		PENGARAH
IZANI BIN MOHAMAD		PENGARAH
*****	*****	*****

(YAHAYA BIN HASAN)
Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Kerja Raya Malaysia

Tarikh Cetak : 03/04/2012

Gambar 2.1.1: Sijil Perakuan Kontraktor Kelas B (PKK)

Sumber: Golden Sharar Sdn. Bhd. (2012)



No. Siri TB 129569

PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

SIJIL KONTRAKTOR KERJA
TARAF BUMIPUTERA

Adalah dengan ini syarikat tuan seperti tercatat di dalam Sijil ini diiktiraf sebagai kontraktor kerja bertaraf Bumiputera. Pemberian pengiktirafan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat termaktub di belakang sijil.

<u>NO. SIJIL PENDAFTARAN</u>	<u>KELAS PENDAFTARAN</u>	<u>TEMPOH SAH LAKU</u>
0302 A 2011 0045	B	DARI : 15/05/2012 HINGGA : 14/05/2013

NAMA DAN ALAMAT BERDAFTAR

GOLDEN SHARAR SDN. BHD.
LOT 1289
KG BARU LUAR
PASIR PEKAN
16250 KOTA BHARU
KELANTAN

PEGAWAI SYARIKAT YANG DITAULIAHKAN

PAUZI @ WAN MUHAMMAD BIN WAN YUNUS
WAN MOHD SANY BIN PAUZI @ WAN
MUHAMMAD
FAZIOR @ FAIZOL BIN ISMAIL
IZANI BIN MOHAMAD

NO. K/P

JAWATAN

PENGARAH
PENGARAH

PENGARAH
PENGARAH

(YAHAYA BIN HASAN)
Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Kerja Raya Malaysia

Tarikh Cetak : 03/04/2012

Gambar 2.1.2: Sijil Perakuan Kontraktor Bumiputera Kelas B (PKK)

Sumber: Golden Sharar Sdn. Bhd. (2012)



A 256212

Perakuan Pendaftaran

Adalah dengan ini diperakui bahawa kontraktor yang dinyatakan di bawah ini telah berdaftar dengan Lembaga mengikut Bahagian VI Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994. Pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di belakang Perakuan ini

No Pendaftaran: 1961013-KN008726

Nama Kontraktor: GOLDEN SHARAR SDN. BHD.

Alamat Berdaftar: LOT 1289 KAMPUNG BARU LUAR
PASIR PEKAN
16250 KOTA BHARU
KELANTAN

Gred, kategori dan pengkhususan berdaftar

G6	Tidak melebihi RM10,000,000	B	B04
G6	Tidak melebihi RM10,000,000	CE	CE21

Tarikh Mula Berkuatkuasa: 12 AUG 2012

Tarikh Habis Tempoh Perakuan: 11 AUG 2015*

*Perakuan ini hendaklah diperbaharui selewat-lewatnya 60 hari sebelum tarikh habis tempoh.

STATUS: AKTIF - Kontraktor yang diawardkan projek semasa perakuan pendaftaran ini dikeluarkan.



(JASMIN MOHD. SALLEH)
b.p. Ketua Eksekutif
Bertarikh: 28 MAY 2012

Gambar 2.1.3: Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB

Sumber: Golden Sharar Sdn. Bhd. (2012)

[subkaedah 5(2)/subrule 5(2)]

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006
WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERMIT) 2007
WATER SERVICES INDUSTRY (PERMIT) RULES 2007PERMIT IPA JENIS A/B/C/D/E*
IPA TYPE A/B/C/D/E* PERMIT

No. Permit:
Permit Number: SPAN/EKS/(PT)/800-2C/2/10/413

Nama pemegang permit:
Name of permit holder: GOLDEN SHARAR SDN. BHD.

Alamat pemegang permit:
Address of permit holder: LOT 1289, KG. BARU LUAR PASIR PEKAN,
16200 KOTA BHARU, KELANTAN DARUL NAIM

Tujuan permit:
Purpose of Permit: PERMIT IPA JENIS C2 (BEKALAN AIR)

Negeri atau negeri-negeri di mana kerja-kerja boleh diusahakan:
State or states in which the works may be carried out: SEMENANJUNG MALAYSIA,
WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA DAN LABUAN

Permit sah dari:
Permit is valid from: 16 NOVEMBER 2011

sehingga
to 15 NOVEMBER 2012

Permit tertakluk kepada terma dan syarat yang dilampirkan.
Permit subject to terms and conditions as attached.

Fi Permit:
Permit fee: RM 2000.00

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Resit No.: 01 2027
*Resit No.:*Tarikh *pengeluaran/pembaharuan:
*Date of *issue/renewal:* 16 NOVEMBER 2011*potong jika tidak terpakai
**Delete where inapplicable*

Gambar 2.1.4: Sijil Industri Perkhidmatan Air (PERMIT)
Sumber: Golden Sharar Sdn. Bhd. (2012)

PERAKUAN PENDAFTARAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa kontraktor yang dinyatakan di bawah ini telah berdaftar dengan Lembaga mengikut Bahagian VI Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994. Pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di belakang Perakuan ini

No Pendaftaran: 1961013-KN008726

Nama Kontraktor : GOLDEN SHARAR SDN. BHD.

Alamat Berdaftar : LOT 1289 KAMPUNG BARU LUAR
PASIR PEKAN
16250 KOTA BHARU
KELANTAN

Gred, kategori dan pengkhususan berdaftar

G6	B	B04	B02	B13	B24	B12	B14			
G6	CE	CE21	CE01	CE02	CE03	CE10	CE13	CE20	CE34	CE36
G6	ME	M02	E10	M15						

Tarikh Mula Berkuatkuasa : 12 AUG 2012

Tarikh Habis Tempoh Perakuan : 11 AUG 2015*

**Perakuan ini hendaklah diperbaharui selewat-lewatnya 60 hari sebelum tarikh habis tempoh.*

STATUS : AKTIF - Kontraktor yang diawardkan projek semasa perakuan pendaftaran ini dikeluarkan.

(JASMI BIN MOHD. SALLEH)

b.p. Ketua Eksekutif

Bertarikh: 22 SEP 2012



Gambar 2.1.5: Sijil Perakuan CIDB (Baru Diguna Pakai)

Sumber: Golden Sharar Sdn. Bhd. (2012)

A010510



Sijil Perolehan Kerja Kerajaan

NO. SIJIL PENDAFTARAN
1961013-KN008726

Adalah disahkan Syarikat/Firma seperti butir-butir berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan tertakluk kepada syarat-syarat termaktub di belakang sijil.

Tarikh Mula Berdaftar Dengan CIDB : 13/10/1996

NAMA DAN ALAMAT BERDAFTAR

GOLDEN SHARAR SDN. BHD.
LOT 1289 KAMPUNG BARU LUAR
PASIR PEKAN
16250 KOTA BHARU
KELANTAN

TEMPOH SAH LAKU :

DARI : 06/08/2012
HINGGA: 11/08/2015

GRED

G6
G6
G6

KATEGORI

B (Pembinaan Bangunan)
CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)
ME (Mekanikal Dan Elektrikal)

PEGAWAI SYARIKAT YANG DITAUHIAHKAN

PAUZI @ WAN MUHAMMAD BIN WAN YUNUS
WAN MOHD SANY BIN PAUZI @ WAN MUHAMMAD
FAZIOR @ FAIZOL BIN ISMAIL
IZANI BIN MOHAMAD

NO. K/P

Jawatan

PENGARAH
PENGARAH
PENGARAH
PENGARAH

(JASMI BIN MOHD. SALLEH)
b.p. Ketua Eksekutif
Bertarikh: 22 SEP 2012



Gambar 2.1.6: Sijil Perakuan CIDB Untuk Kerja Kerajaan (Baru Diguna Pakai)

Sumber: Golden Sharar Sdn. Bhd. (2012)

2.2 Profil syarikat

NAMA SYARIKAT

1. Syarikat Golden Sharar Sdn. Bhd.

PENGARAH

2. En. Pauzi @ Wan Muhammad Bin Wan Yunus
3. En. Wan Mohd Sanny Bin Pauzi @ Wan Muhammad
4. En. Izani Bin Mohammad
5. En. Faizol @ Faizor Bin Ismail

JURU UKUR BAHAN

6. Cik Nik Rubiatul Andawiah Binti Abdul Halim

KERANI

7. En. Mohd Fadhil Bin Mat Razali
8. Cik Rusdiana Binti Ibrahim

ALAMAT

9. 5315-F, Tingkat 1,
Jalan Sultan Yahya Petra,
15200, Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim.


10. Tel :

11. Faks: 09 – 748 2232

NO PENDAFTARAN SYARIKAT

12. Pusat Khidmat Kontraktor (0302 A 2011 0045)
13. CIDB (1961013-KN008726)

2.3 Carta Organisasi



Rajah 2.3.1 Carta organisasi GSSB

Sumber : Golden Sharar Sdn. Bhd.

2.4 SENARAI PROJEK

2.4.1 Projek yang telah disiapkan

Syarikat ini pernah mengambil bahagian dalam pelbagai projek yang dijalankan di dalam Malaysia. Antaranya termasuklah:

Jadual 2.4.1.1 Senarai Projek GSSB Yang Telah Siap

Bil	Projek	Kos Pembinaan (RM)	Tarikh Pembinaan Siap
1	Membina dan Menyiapkan Satu Blok Dua Makmal Sains 2 Ting. Di Sek. Men. Sungai Pinang, Tumpat, Kelantan.	1,157,000.00	Siap Pada 21 Mac 1999
2	Membina dan Menyiapkan 2 Unit Banglo, 8 Unit Rumah Berkembar dan 18 Unit Rumah Teres di Taman Sri Hawa, Pasir Puteh, Kelantan.	1,048,000.00	Siap Pada 15 Mac 2002
3	Membina dan Menyiapkan 7 Unit Rumah Kedai dan Pejabat Dua Ting. Di Wakaf Baru, Tumpat, Kelantan.	1,400,000.00	Siap Pada 16 Mei 2004
4	Membina dan Menyiapkan 4 Unit Rumah Banglo di Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan.	720,000.00	Siap 2005
5	Membina dan Menyiapkan Satu Blok Bangunan Makmal Komputer Dua Ting. Di Sek. Keb. Latiff, Kota Bharu, Kelantan.	616,728.68	Siap 2006
6	Membina dan Menyiapkan 9 Unit Rumah Kedai dan Pejabat 3 Ting. Di Wakaf Baru, Tumpat, Kelantan.	1,429,000.00	Siap 2008

Sumber : Golden Sharar Sdn. Bhd

2.4.2 Projek yang sedang dijalankan

Syarikat GSSB dan anak-anak syarikat juga mempunyai beberapa projek yang sedang dijalankan, seperti :

Jadual 2.4.2.1 Senarai Projek Semasa GSSB Dan Anak Syarikat

Bil.	Projek	Catitan
1	Cadangan Kerja-Kerja Ubahsuai dan Naiktaraf Asrama Blok C, Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan, Kelantan.	Anak syarikat GSSB, KB One Trading sebagai Kontraktor Utama.
2	Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Tambatan Di Raja, Kota Bharu, Kelantan.	GSSB sebagai Kontraktor Utama
3	Membaikpulih dan Menaiktaraf Saluran Paip Bawah Tanah di Daerah Machang dan Kuala Krai, Kelantan.	Syarikat GSSB berada di nombor tiga (3) di dalam senarai harga pembida.


Sumber : Golden Sharar Sdn. Bhd

2.4.3 Maklumat umum projek Asrama Blok C di USM yang dijalankan oleh anak salah satu anak syarikat GSSB iaitu, KB ONE TRADING

Jadual 2.4.3.1 Maklumat projek

Projek	Cadangan Kerja-Kerja Ubahsuai dan Naiktaraf Asrama Blok C, Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan, Kelantan.
Klien	Universiti Sains Malaysia
Kontraktor Reka & Bina	KB One Trading
Jurutera Struktur & Awam	KB One Trading
Jurutera Mekanikal & Elektrikal	K.A.Z Trading (M) Sdn. Bhd.
<i>Landscape</i>	KB One Trading
Anggaran Kos Pembinaan	Rm 1,010,026.00
Anggaran Tempoh Pembinaan Siap	3 Disember 2012

Sumber : KB One Trading



Gambar 2.4.3.1 Maklumat Projek Di USM, Kampus Kesihatan, Kubang Kerian.

Foto Kredit : Nashrul (22 Mei 2012)

BAB 3

PROSEDUR YANG TERLIBAT SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS MENDAPAT TENDER PROJEK

3.1 Pengenalan

Keputusan kontraktor untuk menyertai sesuatu tender bergantung kepada matlamat sebenar yang telah ditetapkan oleh organisasi kontraktor tersebut. Secara tidak langsung, harga tender yang ditawarkan oleh kontraktor dipengaruhi daripada keputusan yang dibuat oleh ahli pengarah dalam organisasi berkenaan.

Sekiranya kontraktor menyertai tender hanya sekadar untuk menguji keadaan persaingan bagi kawasan baru, kemungkinan harga tender yang ditawarkan tidak begitu kompetitif berbanding pesaing lain. Sementara itu, bagi proses menender pula ianya melibatkan beberapa peringkat yang dilakukan oleh kontraktor bagi menyediakan harga tender. Peringkat tersebut bermula dari keputusan untuk menyertai tender sehinggalah harga tender ditawarkan kepada klien.

Sistem penerimaan tender bagi sesuatu projek pembinaan tidak hanya diberikan kepada kontraktor yang menawarkan harga yang terendah, sebaliknya dianugerahkan kepada kontraktor yang betul-betul berkaliber. Ini kerana, kesan daripada penerimaan harga tender yang rendah juga akan menyebabkan kontraktor gagal untuk melaksanakan projek pembinaan sebagaimana yang dikehendaki oleh klien. Oleh yang demikian, ia akan menyebabkan kos pembinaan meningkat seterusnya merugikan klien dan kontraktor. Oleh itu, pihak kontraktor perlu membentuk formula tersendiri dalam strategi menender agar harga yang ditawarkan adalah munasabah dan memenuhi objektif syarikat.

Menurut Aminah Fayek (1998), objektif firma kontraktor dalam menender adalah dipengaruhi oleh faktor dalaman firma iaitu seperti keperluan firma untuk mendapatkan kerja, kesesuaian dan kecukupan sumber pembangunan yang sedia ada. Manakala, faktor luaran adalah didorong oleh magnitud persaingan, desakan keadaan ekonomi semasa dan juga projek yang diperolehi untuk masa hadapan.

3.2 Objektif Menender

Terdapat beberapa objektif yang telah ditetapkan oleh syarikat GSSB dan anak-anak syarikatnya dalam menender sesuatu tender projek iaitu :

- a. Untuk memenangi tender.
Kebiasaannya pihak syarikat akan menawarkan kadar harga yang paling rendah, dapat mengembalikan modal syarikat atau mendapatkan keuntungan yang sedikit sahaja untuk meningkatkan peluang memenangi tender tersebut.
- b. Sebagai ujian di kawasan baru dan memberikan pengalaman kepada organisasi atau syarikat.
Syarikat memasuki tender bertujuan untuk menguji pasaran atau kawasan baru. Hasil daripada ujian akan dimanfaatkan pada masa akan datang untuk tender yang seterusnya. Kebiasaannya pihak syarikat akan menawarkan kadar harga pada margin yang sederhana sahaja.
- c. Memaksimumkan sumbangan projek untuk mencapai keuntungan.
Pihak syarikat akan menggunakan segala kelebihan yang ada untuk mendapatkan tender tersebut dan menawarkan harga tender pada margin yang tinggi untuk mencapai tahap keuntungan yang maksimum.

3.3 Prosedur sebelum mendapat tender

Terdapat beberapa prosedur yang perlu dilalui oleh para kontraktor sebelum mendapatkan tender. Prosedur-prosedur tersebut seperti yang dijelaskan di bawah :

3.3.1 Menghadiri taklimat berkenaan tender projek.

Selepas mendapatkan maklumat tentang tender projek yang diuar-uarkan oleh pihak klien atau untuk projek ini adalah USM cawangan Kubang Kerian, Kelantan. Pihak kontraktor atau syarikat GSSB telah menghantar salah satu anak syarikatnya yang mempunyai lesen kelas E, KB One Trading sepertimana yang dikehendaki oleh USM bagi membida tender ini untuk menghadiri satu taklimat ringkas tentang projek 'Cadangan Kerja-Kerja Ubahsuai dan Naiktaraf Asrama Blok C, Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan' yang dijalankan di pejabat Jabatan Pembangunan USM. Semasa taklimat ini diberikan pihak-pihak kontraktor yang hadir diperjelaskan mengenai skop kerja yang perlu dilakukan oleh mereka dan masalah-masalah yang perlu diambil kira semasa mengisi borang sebutharga.

Semasa menghadiri taklimat ini pihak kontraktor dibolehkan menghantar wakil dari syarikat masing-masing untuk menghadirinya kerana jika mana-mana wakil syarikat yang tidak dapat menghadirkan diri tidak dibenarkan membeli tender atau borang sebutharga. Secara tidak langsung, mereka yang gagal menghadirkan diri ini tidak akan dapat projek tersebut. Sebagai bukti kehadiran pihak kontraktor perlu menandatangani borang kehadiran yang disediakan beserta salinan lesen asal sebagai rujukan.

3.3.2 Menghadiri lawatan tapak.

Selepas menghadiri taklimat berkenaan tender projek, para kontraktor perlu menghadiri lawatan tapak projek yang bertujuan untuk memberikan gambaran sebenar tapak projek yang direbut oleh mereka. Lawatan tapak merupakan satu prosedur yang penting kerana melalui lawatan ini pihak USM akan menghantar seorang wakil mereka untuk menerangkan secara terperinci mengenai gambaran sebenar tapak projek skop


kerja yang perlu dilakukan oleh kontraktor yang nanti. Sepertimana menghadiri taklimat, para kontrak juga perlu menandatangani borang kehadiran.

Selain memberi gambaran sebenar, lawatan tapak juga dapat mengelakkan kesilapan para kontraktor dalam mengisi borang sebutharga. Terdapat banyak kes terdahulu dimana ada dikalangan kontraktor yang memasukkan harga yang terlalu rendah kerana menggangap kerja yang terdapat di dalam sesuatu rojek itu mudah tetapi hakikatnya tidak seperti yang disangkakan. Jika masalah ini berlaku, ia dapat mendatangkan masalah kepada semua pihak termasuk kontraktor tersebut sendiri kerana pihak klien tidak akan menambah kos kerja dari apa yang dipersetujui di dalam kontrak tender.

3.3.3 Membeli tender atau borang sebutharga.

Sesudah menghadiri taklimat dan lawatan tapak, para kontrak kini boleh mendapatkan tender atau borang sebutharga dengan cara membelinya di pejabat Jabatan Pembangunan USM dengan harga RM 50 sahaja. Pembayaran kebiasaannya dibuat melalui wang pos. Tetapi pihak klien boleh mengubah cara pembayaran mengikut kesesuaian mereka.

Semasa membeli tender atau borang sebutharga, pemilik lesen yang telah didaftarkan di PKK perlu datang sendiri untuk membeli tender. Pemilik lesen perlu membawa lesen asal yang masih belum tamat tempoh dan salinan lesen asal untuk rujukan pihak USM. Kebiasaannya tender atau borang sebutharga boleh dibeli sehari selepas lawatan tapak dijalankan dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan sahaja dapat membelinya.



Gambar 3.3.3.1 Contoh Dokumen Tender


Foto kredit : Nashrul (27 Mei 2012)

3.4 Prosedur semasa mendapat tender

Terdapat beberapa prosedur yang perlu pihak GSSB lakukan semasa dokumen tender telah dibeli oleh mereka :

3.4.1 Meneliti cara-cara mengisi borang sebutharga dengan betul.

Pihak kontraktor yang berjaya membeli tender atau borang sebutharga tersebut perlu meneliti cara mengisi borang sebutharga dengan betul kerana sebarang kecuaiian bakal menjejaskan keputusan pemenang tender. Ini kerana pihak USM tidak akan melayan sebarang tender yang tidak diisi dengan betul. Walaupun harga yang ditawarkan oleh kontraktor tersebut amat bersesuaian. Segala ruang yang perlu diisi hendaklah diisi dengan betul dan tepat serta jelas bagi mengelakkan sebarang masalah berbangkit dikemudian hari.



Gambar 3.4.2.1 Contoh borang sebotharga yang telah diisi
Foto Kredit : Nashrul (31 Mei 2012)

3.4.3 Mengisi senarai bahan atau ringkasan borang sebotharga.

Kerja-kerja mengisi ringkasan borang sebotharga atau bil kuantiti merupakan satu proses yang amat penting dan hanya akan dilakukan oleh juruukur bahan yang mendapat kepercayaan penuh oleh majikan. Juru ukur bahan yang menentukan anggaran harga projek yang akan dibida oleh syarikat kontraktor tidak terkecuali syarikat GSSB. Cik Nik Rubiatul adalah individu yang bertanggungjawab mengisi atau melengkapkan ringkasan borang sebotharga untuk semua projek bagi syarikat GSSB. Cik Nik Rubiatul begitu arif tentang perihal harga pasaran semasa untuk bahan binaan. Beliau akan menetapkan anggaran harga projek USM ini dengan persetujuan En. Faizol

3.4.4 Surat akuan pembida

Surat akuan pembida merupakan surat yang membuktikan bahawa kontraktor yang membida tander ini mengisi kesemua borang sebutharga atau tender ini dengan betul tanpa memalsukan apa-apa maklumat. Surat ini haruslah ditandatangani oleh pemilik lesen KB One Trading sendiri. Sekiranya ada mana-mana maklumat yang diberikan adalah palsu, pihak USM boleh menarik balik kelayakan syarikat KB One Trading daripada membida tender ini serta pihak USM boleh mendakwa syarikat KB One Trading atas kesalahan memalsukan maklumat. Ini amat penting untuk memberi peringatan kepada kontraktor agar berlaku jujur dalam mengisi tender. Selain itu, dengan adanya surat ini pihak USM dapat mengenalpasti samaada syarikat KB One Trading memang mampu dan tidak mempunyai halangan untuk menyiapkan projek ini.

SURAT AKUAN PEMBIDA
MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH MADRASAH KUBUR PERINGAT, JALAN BACHOK, KEDA PERINGAT, KOTA BHARU, KELANTAN

SAYA, AWISH ENTERPRISE nombor KP 70447-02-012 yang mewakili AWISH ENTERPRISE nombor pendaftaran AW 0114926-P dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/tebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Pewakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tertera di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati tuita menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/tebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersestuju hendak-hendakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran bagi tender/tebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/tebut harga* di atas dan
- 2.3 Lain-lain tindakan telatitb mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaftan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/tebut harga* seperti di atas, maka saya barjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau talak polis yang berhampiran.

Yang Benar

AWISH ENTERPRISE
K/T 0184450-P/ AW 0114926-P/ 70447-02-012
1302, Hill Mall, Kubang Keratan,
10150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 05-765 8813/11, 028 8504.
Fax: 05-765 0188.

1) Petang mana yang tidak berkenaan.
2) Surat akuan ini haruslah dikemukakan bersama Surat Pewakilan Kuasa.

Gambar 3.4.4.1 Contoh surat akuan pembida.

3.4.5 Maklumat am syarikat pembida.

Maklumat am syarikat pembida merupakan maklumat tambahan yang perlu dihantarkan sekali dengan tender atau borang sebutbarga. Maklumat am syarikat KB One Trading hendaklah merangkumi semua perkara yang ada di dalam profil syarikat, seperti :

- a. Latarbelakang syarikat.
- b. Carta organisasi syarikat.
- c. Sumber kewangan syarikat.
- d. Pengalaman syarikat dalam menguruskan projek binaan.
- e. Kerja yang sedang dijalankan jika ada.
- f. Lesen kontraktor PKK yang masih sah laku.
- g. Lesen kontraktor bumiputera PKK yang masih sah laku.
- h. Sijil pendaftaran CIDB yang masih sah laku.

The image shows a form titled 'MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENYEBUTHARGA' for 'AWISH ENTERPRISE'. The form includes the following fields and handwritten entries:

- 1. Nama: AWISH ENTERPRISE
- 2. Alamat: 111, Jalan Kuning, 11100 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: 03-2071 4221. Fax: 03-2071 4222.
- No. Telefon: (blank)
- 3. Pendaftaran dengan PKK: (Serikan salinan pendaftaran)
 - (i) No. Pendaftaran: 0320 02007 070
 - (ii) Tarikh Daftar: 26/1/2013. Sah hingga: 25/1/2014.
 - (iii) Kelas dan Tajuk/Tajuk Kecil: C. 1.1.1.1.1.1
- (iv) Taraf (Bumiputera/Bukan Bumiputera):
- (v) Jika Bumiputera, tempoh sah taraf: Dari 26/1/2013. Hingga 25/1/2014.
- 4. Baid Syarikat Sdn. Bhd., nyatakan:
 - (i) Modal dibenarkan: RM
 - (ii) Modal dibayar: RM
- 5. Pemegang Utama lain, jika ada:
 - (a) (blank)
 - (b) (blank)
- 6. Ahli Syarikat:
 - (i) Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang
AWISH ENTERPRISE	Pemilik	

Gambar 3.4.5.1 Contoh borang maklumat am latar belakang penyebutharga

Foto Kredit : Nashrul

3.4.6 Menghantar borang sebutharga atau tender projek.

Selepas selesai mengisi borang tender, pihak GSSB akan melakukan proses penghantaran dokumen tender di pejabat pentadbiran USM. Seperti yang sedia maklum pihak GSSB perlu menghantar borang tersebut sebelum pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan tidak akan dilayan oleh pihak USM. Pihak GSSB perlu menghantar dua jenis dokumen semasa proses penghantaran dokumen iaitu, borang sebutharga yang telah siap diisi dan dokumen tambahan yang wajib.

Pihak GSSB akan membalut dokumen tender dan profil syarikat terlebih dahulu pembalut yang malap. Kemudian dokumen tersebut perlulah dimasukkan ke dalam sampul surat bersama borang sebutharga. Jika dokumen-dokumen tersebut tidak dapat dimasukkan ke dalam sampul surat, pihak GSSB akan membalut kedua-dua dokumen dengan pembalut yang malap. Di luar permukaan sampul surat atau pembalut tersebut perlu di tulis nombor borang sebutharga atau tender dan alamat USM serta tajuk projek yang dibida. Kemudian pihak GSSB akan memasukkan dokumen tersebut ke dalam peti tender yang telah disediakan pihak USM.



Gambar 3.4.6.1 Borang sebutharga yang dimasukkan ke dalam peti tender

Foto Kredit : En. Fadhil

3.5 Prosedur selepas mendapat tender projek

Terdapat beberapa proses yang akan dilakukan oleh pihak GSSB selepas berjaya memenangi pembidaan projek :

3.5.1 Surat akuan pembida berjaya

Pihak USM akan mengantar surat akuan pembida berjaya kepada pihak GSSB menunjukkan tender projek 'Cadangan Kerja-Kerja Ubahsuai dan Naiktaraf Asrama Blok C, USM, Kampus Kesihatan, Kelantan' telah dimenangi oleh pihak GSSB. Di dalam surat akuan ini pihak GSSB atau anak syarikatnya KB One Trading mengakui yang pihak GSSB dan KB One Trading tidak akan memberi sebarang bentuk rasuah kepada mana-mana pihak USM sebagai ganjaran mendapatkan tender tersebut. Bersama-sama surat akuan ini akan disertakan surat perwakilan kuasa bagi pihak yang mewakili syarikat GSSB atau KB One Trading.

**BORANG WAJIB ISI
LAMPIRAN A2
(SAP bertarikh 1 April 2010)**

**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA
Bagi**

(No. Tender: T/B/PEMB/11/22 – Cadangan Kerja-Kerja Ubahsuai Dan Naiktaraf Asrama Blok C, Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan, Kelantan.)

Saya, WAN HILWAD Bin WAN HUSNI nombor K.P. 770219-03-5132 yang mewakili
(Nama Wakil Syarikat)

KB ONE TRADING nombor pendaftaran
(Nama Syarikat)

0302 D 2003 0379 dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
(MOF/ PKK/ CIDB/ROS/ROC/ROB)

mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam UNIVERSITI SAINS MALAYSIA atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.


2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam UNIVERSITI SAINS MALAYSIA atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

Gambar 3.5.1.1 Contoh Surat Akuan Pembida Berjaya

Foto Kredit : En. Fadhil

3.5.2 Surat setujuterima tender

Surat setujuterima tender memberitahu bahawa borang sebutharga pihak KB One Trading (KBOT) telah dipersetujui dan tertakluk kepada had, syarat dan perjanjian dalam dokumen tender yang menjadi asas kepada tender dan juga surat ini. Pihak KBOT dikehendaki melaksanakan perjanjian kontrak yang formal dalam sedikit masa lagi. Bagaimanapun sehinggalah perjanjian kontrak yang dilaksanakan, tawaran beserta surat setujuterima akan menjadi kontrak yang sah mengikat KBOT dengan USM. Sebelum dapat melaksanakan perjanjian kontrak formal, pihak KBOT perlu menyerahkan bon pelaksanaan dan polisi insurans untuk kerja-kerja serta segala polisi insurans lain yang berkaitan. Jika pihak KBOT gagal untuk melaksanakan kerja dalam tempoh 2 minggu terasuk cuti am atau umum dari tarikh milik tapak setelah nota liputan bagi maksud polisi insurans dan resit-resit premium dikemukakan akan mengakibatkan tawaran pihak KBOT dibatalkan. Tindakan akan diambil oleh pihak USM mengikut fasal 51 kepada syarat-syarat kontrak.



Gambar 3.5.2.1 Contoh Surat Setujuterima Tender

Foto Kredit : En. Fadhil

BAB 4

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Tender yang didapati daripada tender terbuka akan dinilai oleh klien dan seterusnya pemilihan dibuat. Memandangkan terdapat banyak kontraktor yang menender tetapi hanya satu kontraktor sahaja yang akan dipilih, kontraktor seharusnya mempunyai strategi menender tertentu untuk memenangi tender. Secara amnya, kontraktor yang mempunyai strategi yang bagus akan memenangi sesuatu tender.

Pihak GSSB dan KBOT telah menggunakan segala pengalaman dan penelitian yang terperinci untuk memenangi tender projek USM ini walaupun ramai kontraktor yang boleh dikatakan gah dalam bidang pembinaan turut sama menender. Penulis amat bertuah kerana selama 5 bulan menjalani latihan praktikal di syarikat GSSB telah memberikan pelbagai pengalaman yang berguna untuk kegunaan pada masa depan yang semestinya lebih banyak syarikat kontraktor yang akan wujud seperti kata pepatah, 'bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan'. Seajar dengan saranan kerajaan Malaysia yang mahukan bidang pembinaan dalam negara ini makin maju dan berkembang ke pentas antarabangsa seterusnya dapat mengharumkan nama negara.

Secara keseluruhannya, banyak maklumat yang telah didedahkan kepada penulis selama berada di syarikat GSSB ini. Walaupun bukan secara terperinci tetapi sudah mencukupi bagi penulis untuk lebih mengenali realiti sebenar kehidupan dalam bidang pembinaan ini. Segala objektif yang ingin dicapai semasa mula-mula diberi pendedahan dahulu sudahpun tercapai. Dimana kini penulis sudah tahu prosedur-prosedur yang terlibat dalam mendapatkan tender dari awal sehingga akhir dengan syarikat KBOT telah berjaya mendapatkan tender projek 'Cadangan Kerja-Kerja Ubahsuai dan Naiktaraf Asrama Blok C, Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan'. Sehingga kini projek ini masih di dalam pembinaan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Disember nanti. Proses untuk mendapatkan tender projek bukanlah perkara yang mudah dan main-main. Ini kerana terdapat banyak proses yang perlu dilalui dengan penelitian yang penuh dan melibatkan banyak pihak. Sebarang kesilapan yang berlaku boleh merugikan

pihak kontraktor dan klien sendiri kerana proses tender melibatkan banyak wang ringgit.

Semasa proses ini dijalankan terdapat pelbagai isu yang telah berlaku yang telah memperlahankan proses ini berjalan. Anantara isu-isu tersebut ialah :

- I. Kebanyakan kontraktor menghantar wakil yang tidak mengetahui apa-apa tentang asas pembinaan untuk menghadiri taklimat.
- II. Wakil yang dihantar untuk mewakili pihak kontraktor semasa menghadiri lawatan tapak tidak bersesuaian.
- III. Kebanyakan pihak kontraktor memberi pinjam lesen kontraktor mereka kepada individu lain.

Kebanyakan kontraktor menghantar wakil yang tidak bersesuaian atau tidak mengetahui apa-apa dalam bidang pembinaan untuk menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Ini akan menyebabkan kadar harga yang dimasukkan di dalam bil kuantiti atau boring sebutharga tidak tepat. Wakil yang tidak mengetahui apa-apa tidak dapat mencongak harga yang perlu dimasukkan atau langsung tidak mendengar taklimat yang diberikan oleh pihak klien kerana apa yang mereka tahu hanya menandatangani borang kehadiran.

Lesen kontraktor selalunya dipegang oleh tuan atau pemilik lesen tersebut. Tetapi sekarang ini ada beberapa kes yang pernah dicatatkan oleh pejabat PKK tentang masalah dua individu yang tidak bertanggungjawab menghadiri taklimat tetapi menggunakan satu lesen kontraktor yang sama. Keadaan ini akan mengelirukan pihak klien kerana satu syarikat hanya boleh menender satu tender dalam satu masa.

Di sini penulis telah sertakan cadangan-cadangan yang difikir dapat mengurangkan masalah-masalah yang mungkin akan terjadi seperti yang dijelaskan di atas. Antara cadangan-cadangan tersebut adalah seperti :

- I. Pihak kontraktor tidak dibenarkan menghantar wakil untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Pemilik lesen seharusnya yang datang sendiri

bersama juruukur bahan untuk mendapatkan kadar harga yang betul ketika mengisi bil kuantiti atau borang sebutharga.

- II. Semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak pihak klien diwajibkan memeriksa lesen yang dibawa oleh para kontraktor yang ingin menender. Hanya kontraktor yang dapat menunjukkan lesen asal diberi borang kehadiran untuk ditandatangani.

BAB 5

RUJUKAN

Syarikat Golden Shara Sdn. Bhd. (2012)

Syarikat KB One Trading (2012)

Dam. (n.d.). Retrieved from <http://en.wikipedia.org/wiki/Tender>

Kasyfi (2012). Strategi Menender. Bab 2.